

**MAJLIS PERASMIAN HARI KOPERASI NEGARA 2014
23/08/2014**

STADIUM MINI KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN

Terima Kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Berkoperasi, Salam Satu Malaysia

YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan

Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus; dan Yang Mulia Raja Datin Seri Hajah
Salbiah Binti Tengku Nujumuddin

YB Dato' Sri Hasan Bin Malek

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan; dan YBhg Datin Sri
Norainee Binti Mohd Yatib

YB Senator Dato' Seri Ahmad Bashah Bin Md Hanipah,

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan; dan YBhg
Datin Seri Hizam Binti Awang Ahmad

YB Dato' Haji Abu Ubaidah Bin Dato' Haji Redza, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak
Kemudahan Awam, Alam Sekitar, Koperasi Dan Kepenggunaan; dan YBhg Datin Halimah
Binti Md Zain

Ahli-Ahli Yang Berhormat

YBhg Dato' Sri Alias Bin Hj. Ahmad

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan
Kepenggunaan; dan YBhg Datin Sri Hajah Nor Azizah Binti Sulaiman

YBhg Datuk Nik Ali Bin Mat Yunus

Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia; dan YBhg Datin Nik Khazami Binti
Nik Mohamed

Tan Sri-Tan Sri, Dato' Seri-Dato' Seri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Para Koperator, Tuan-
tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

1. Pertama-tamanya marilah kita merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan kehendakNya jua, maka dapatlah kita berhimpun dalam satu majlis yang penuh bermakna ini iaitu Sambutan Hari Koperasi Negara tahun 2014. Hari Koperasi Negara kali ke-13 ini disambut serentak dengan sambutan Bulan Kemerdekaan Negara kali ke-57 dan Majlis Jamuan Rakyat.

2. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada YAB Menteri Besar Negeri Sembilan, kerana bersetuju agar Kerajaan Negeri menjadi tuan rumah untuk acara kali ini. Juga setinggi tahniah kepada Menteri di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, dan warga Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di atas penganjuran majlis hari ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan Sekalian

3. Alhamdulillah, semenjak kita merdeka 57 tahun yang lalu, Kerajaan yang ada hari ini telah berjaya membangunkan negara kita ini dengan pesat. Kita telah menyusun dan melaksana pelbagai agenda sosio-ekonomi negara kita mengikut acuan kita sendiri, bagi memastikan kejayaan jangka masa panjang.

4. Kemajuan negara kita sehingga kini dianggap antara yang termaju antara negara-negara membangun, hasil dari pentadbiran dan pelaksanaan yang direncana dengan baik dan teliti. Dasar Kerajaan yang proaktif dan mesra rakyat juga merupakan prinsip utama yang menyumbang kepada inisiatif-inisiatif yang memberi manfaat besar dan kelebihan kepada masyarakat di negara ini.

5. Melalui dasar seperti inilah, Kerajaan telah mengenalpasti bahawa konsep dan peranan koperasi, yang walaupun bermula di negara maju, tetapi dapat digarap dan dimajukan mengikut kesesuaian di dalam sistem pembangunan sosio-ekonomi negara, bagi terus membantu memartabatkan agenda kesejahteraan rakyat khususnya pembasmian kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup.

6. Kerajaan amat bangga dan mengucapkan syabas kepada kepimpinan KPDNKK, dan pengurusan tertinggi Suruhanjaya Korperasi Malaysia (SKM) hari ini di atas komitmen tinggi dan usaha keras membangunkan sektor koperasi. Kerajaan yakin sektor koperasi akan terus berjaya memainkan peranan sebagai salah satu peneraju utama kemakmuran ekonomi negara.

7. Oleh itu, Kerajaan terus komited untuk memperkasakan sektor koperasi dengan menyediakan pelbagai bantuan khususnya di dalam bentuk geran pembangunan, dan pinjaman mudah.

8. Dalilnya, Kerajaan yang ada hari ini, telah memperuntukkan sebanyak RM37.42 juta geran pembangunan, dan RM420 juta pinjaman mudah bagi tempoh tahun 2010 hingga tahun 2013 untuk pembangunan koperasi. Ini merupakan peningkatan sebanyak 23% dan 133% masing-masing, dari jumlah RM30.49 juta untuk geran pembangunan dan RM180 juta bagi pinjaman mudah, untuk tempoh 4 tahun sebelum itu (tahun 2006 hingga 2009).

9. Melalui pelbagai kemudahan yang disediakan ini serta Skim Dana Tabung Modal Pusingan Pembangunan Koperasi yang telah diperkenalkan sejak tahun 1985, Kerajaan telah berjaya meningkatkan taraf hidup rakyat dengan penubuhan lebih 10,000 koperasi, dengan keanggotaan melebihi 7 juta orang ahli serta menjana pendapatan melebihi RM10 billion. Hari ini, sektor koperasi juga telah berjaya menyediakan lebih 50,000 peluang pekerjaan.

10. Ini turut mencerminkan peningkatan keyakinan dan mindset rakyat, terutamanya komuniti luar bandar, terhadap pentingnya peranan dan fungsi sektor koperasi dalam meningkatkan peluang-peluang pembangunan ekonomi dan perniagaan.

11. Ini dapat dibuktikan apabila koperasi yang ditubuhkan di kampung-kampung, di bawah program Desa Lestari, memperlihatkan kecemerlangan setanding dengan koperasi terkenal, antaranya:

- Koperasi Pembangunan Kampung Bandang Man Sik Kedah telah meningkatkan sosioekonomi anggotanya hasil daripada aktiviti prasarana pertanian, seperti pembinaan jalan pertanian, pembinaan parit, penjagaan ladang dan pengurusan pertanian dan penternakan. Koperasi ini berjaya mencatatkan pendapatan melebihi RM5.8 juta bagi tempoh tahun 2012-2013.
- Koperasi Kampung Mawai Baru yang telah mengusahakan pelbagai aktiviti ekonomi seperti perladangan kelapa sawit, penternakan, tanaman cendawan dan pembinaan. Koperasi ini telah menjana pendapatan sebanyak RM5.7 juta bagi tempoh tahun 2012-2013;
- Koperasi Pelancongan Mukim Batu Putih Kinabatangan Berhad (KOPEL), Sabah yang telah membangunkan Kampung Batu Putih melalui industri pelancongan. Malahan jumlah pendapatan yang dijana dari tahun 2012 hingga 2013 adalah sebanyak RM4.3 juta.
- Di Negeri Sembilan pula, Koperasi Homestay Lonek Jempol telah menunjukkan prestasi yang amat baik, walaupun baru ditubuhkan pada Januari 2013. Sehingga Jun 2014 ini (setahun setengah beroperasi), Koperasi yang mempunyai 75 ahli ini telah berjaya menjana pendapatan sebanyak RM420,000.

12. Selain itu, Kerajaan turut memurnikan program memodenkan lebih 370 kedai-kedai tradisional koperasi menjadi kedai pengguna dan pasaraya berkonsep moden dengan jenama COOP MART serta mengeluarkan produk berjenama COOP 1M, yang menawarkan potongan harga antara 20% -30% lebih rendah daripada produk-produk di pasaran, telah berjaya membantu rakyat untuk mendapatkan bekalan keperluan harian pada harga yang sangat berpatutan.

13. Seiring dengan perkembangan yang memberangsangkan ini, saya turut dimaklumkan bahawa SKM bercadang memohon peruntukan dana tambahan sebanyak RM500 juta setahun bagi merancakkan lagi aktiviti komersil sektor koperasi keseluruhannya menjelang 2020. Disini saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan bersedia mempertimbangkan permohonan ini sewajarnya.

Tuan-tuan dan Puan-puan Sekalian,

14. Menjelang tahun 2020, sektor koperasi perlu terus berkembang dan berdaya saing. Ini menuntut perubahan menyeluruh dan transformasi dalam gerakan koperasi. Isu yang mengekang kemajuan gerakan koperasi selama ini seperti pengurusan, kewangan, kepimpinan dan penglibatan anggota perlu ditangani dengan berkesan.

15. Penglibatan koperasi dalam bidang ekonomi yang bernilai tinggi, pembangunan modal insan yang kreatif, inovatif dan berbudaya keusahawanan serta kesedaran tentang perubahan persekitaran perlu diberi penekanan bagi melonjakkan gerakan koperasi ke tahap yang lebih tinggi.

16. Oleh itu, saya ingin menyeru Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk mengadakan kaji-semula pencapaian (mid-term review) Dasar Koperasi Negara 2011-2020 yang dapat memberi ruang untuk menilai, memperkukuh dan mengkaji-semula strategi (re-strategising) elemen-elemen di dalam Dasar tersebut, sejajar dengan kehendak persekitaran pasaran yang sentiasa dinamik.

17. Kajian semula ini perlulah mengambil kira perancangan dan pelaksanaan projek dan program pembangunan koperasi secara lebih agresif, inklusif dan komprehensif, termasuk merancang peruntukan secukupnya, dan menambah-baik pakej insentif bagi memberi ruang dan peluang yang saksama untuk koperasi menceburi pelbagai bidang perniagaan yang baru dan meningkatkan rantaian nilai sedia ada.

18. Berkaitan itu, Kerajaan bersedia mengkaji cadangan mengiktiraf koperasi sebagai sebuah entiti yang didefinisikan sebagai PKS bagi menikmati pakej insentif dan keistimewaan setaraf dengan sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Ini sejajar

dengan perkembangan aktiviti/kegiatan ekonomi koperasi berteraskan perniagaan sederhana kecil yang perlu disokong bagi meningkatkan daya saing mereka.

19. Saya juga berharap KPDNKK dan Suruhanjaya Korporasi Malaysia dapat mengkaji semula Akta Koperasi 1993, dan peraturan-peraturan berkaitan, untuk memperkukuhkan kerangka perundangan yang lebih menyeluruh dan berkesan. Dalam masa yang sama, SKM dan lain-lain agensi perlu bekerjasama di dalam proses kaji semula ini yang agar dapat menyokong peranan koperasi di dalam aktiviti-aktiviti komersil.

Tuan-tuan dan Puan-puan Sekalian,

20. Kerajaan turut akui bahawa kecemerlangan sektor koperasi di negara ini dibantu oleh peranan Maktab Koperasi Malaysia (MKM) sebagai institusi latihan, dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) sebagai badan puncak bagi gerakan koperasi.

21. Justeru, saya berharap MKM akan terus meningkatkan peranan yang lebih berkesan khususnya memperkasakan lagi sistem latihan tadbir urus, modal insan dan program pengajian/penyelidikan bagi pembangunan koperasi. Saya turut berharap cadangan penubuhan Universiti Koperasi, sepertimana yang telah saya umumkan semasa pelancaran Hari Koperasi Negara tahun lalu, dapat direalisasikan dalam masa yang tidak lama ini.

22. Dalam mencapai matlamat penting ini, saya menyeru kerjasama erat di antara SKM, MKM dan ANGKASA terus dipertingkatkan demi kelestarian sektor koperasi di Malaysia.

Para hadirin sekalian,

23. Dalam terus menjaya dan memakmurkan eko-sistem sektor koperasi negara, Dasar Koperasi Negara 2011-2020 turut menekankan perkembangan aktiviti komersil sektor koperasi di dalam bidang perkhidmatan kewangan dan pembiayaan.

24. Sehubungan ini, Dasar tersebut telah menetapkan sebanyak empat (4) bank koperasi akan diwujudkan menjelang 2020, yang mana, Bank Persatuan Malaysia Berhad (Bank Persatuan) kini merupakan bank koperasi kedua di negara ini selepas Bank Rakyat dan telah menerima kelulusan daripada SKM dan Bank Negara Malaysia berkuatkuasa 24 Jun 2014.

25. Adalah diharapkan dengan beroperasinya Bank Persatuan ini sebagai sebuah bank

koperasi, ianya akan merencanakan lagi aktiviti kewangan dan perbankan serta menyokong aktiviti-aktiviti perniagaan dan komersil sektor koperasi di negara ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

26. Kerajaan yakin sektor koperasi di Malaysia mampu bersaing di peringkat serantau dan antarabangsa. Aktiviti komersil sektor koperasi negara mempunyai potensi besar untuk diperluaskan lagi ke peringkat global, khususnya ke negara-negara ASEAN, selaras dengan pembentukan ASEAN Economic Community (AEC) pada tahun 2015.

27. Sektor koperasi di Malaysia perlu terus menggalakkan anggota-anggotanya untuk meningkatkan keupayaan dan kemahiran serta menjana rangka/model perniagaan (business model) yang baik bagi merebut peluang untuk memasarkan produk dan perkhidmatan mereka di pasaran serantau dan antarabangsa, terutamanya di dalam pasaran khusus (niche) seperti produk-produk dan perkhidmatan halal.

28. Disini saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada penerima Anugerah Tokoh Koperasi yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan dan kejayaan sektor Koperasi di Malaysia. Turut diucapkan setinggi tahniah kepada koperasi-koperasi yang menerima anugerah di atas kecemerlangan mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Diharapkan kejayaan ini, akan turut menjadi pembakar semangat kepada rakan-rakan koperasi seperjuangan untuk turut berusaha mencapai kejayaan yang lebih tinggi. Tahniah dan syabas.

Para hadirin sekalian,

29. Saya mendoakan agar gerakan koperasi di Malaysia yang dipimpin oleh KPDNKK dan Pengurusan tertinggi di SKM terus memperkasa dan melaksanakan transformasi sektor koperasi negara seiring dengan agenda transformasi pembangunan ekonomi negara. Saya yakin dan percaya gerakan koperasi di Malaysia akan terus menjadi tonggak penting bagi memakmurkan ekonomi negara dan memperkukuhkan kesejahteraan rakyat.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim saya dengan ini merasmikan Hari Koperasi Negara bagi tahun 2014. Sekian, terima kasih.